

# **Program derma darah Sekolah Bukit Bandaraya**

**Archival News | Utusan Malaysia | 05/09/2001**

KUALA LUMPUR 4 Sept. \_ Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Bandaraya (SMKBB) di sini akan mengadakan program menderma darah di dewan sekolah itu, esok.

Pengetua SMKBB, Datin Suwarni Hassan berkata, program itu yang akan bermula pukul 8 pagi hingga 2 petang adalah sempena sambutan Bulan Patriotisme Hari Kebangsaan 2001 sekolah itu.

Beliau menyeru semua pihak termasuk ibu bapa, pelajar dan anggota masyarakat lain bersama menjayakan program murni itu.

``Program itu juga bagi membantu Tabung Darah Negara,'' katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Beliau menambah semua penderma akan diberi sijil dan cenderamata.

Untuk maklumat lanjut hubungi penyelarasan program, Khairi Razali di talian 03-2553645, 012-3243233 atau Rizawati di talian 03-2553645.

(Source : Utusan Malaysia)